

CABARAN USAHAWAN ASNAF DALAM PERLAKSANAAN PENSIJILAN HALAL MALAYSIA.

Challenges of Asnaf Entrepreneurs in Implementation of Malaysian Halal Certificate

Siti Khalilah Basarud-din^{1*}

Siti Nur Zahirah Omar²

Maliani Mohamad³

Hafizah Zainal⁴

^{1,4} Pusat Kajian Pengantarabangsaan Zakat Kedah, Lembaga Zakat Kedah, Kedah, Malaysia

^{2,3} School of Business Management, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia

*Corresponding author (Email: khalilah@zakatkedah.com)

Diterima: 19 August 2019, Diproses: 2 September 2019, Diterbitkan: 18 September 2019

Abstrak: *Industri halal mampu membantu usahawan asnaf dalam mengembangkan perniagaan mereka. Pada masa yang sama, usahawan asnaf mampu keluar dari gologan asnaf kepada pembayar zakat. Oleh yang demikian, setiap produk yang dihasilkan perlu mempunyai persijilan halal Malaysia. Persijilan halal Malaysia penting bagi usahawan asnaf untuk memastikan setiap produk yang dihasilkan mengikut prinsip Islam. Bagaimanapun, pensijilan halal merupakan salah satu isu di Malaysia kerana pematuhannya untuk memenuhi piawaian sijil halal di kalangan PKS Bumiputera terutama usahawan asnaf adalah rendah. Pelbagai faktor yang mempengaruhi pelaksanaan telah dicadangkan dalam kesusasteraan, tetapi isu ini dari perspektif halal terutama usahawan asnaf dalam mendapatkan sijil halal masih terhad. Kajian ini adalah kajian literatur yang luas digunakan untuk mengenal pasti dan menganalisis fenomena ini. Kepentingan kajian ini akan menambah pengetahuan mengenai cabaran semasa yang berkaitan dengan usahawan asnaf di Malaysia dalam pelaksanaan sijil halal Malaysia.*

Kata kunci: Pensijilan Halal Malaysia, Usahawan Asnaf, Institusi Zakat, Industri Halal

Abstract: *The halal industry is able to assist asnaf entrepreneurs in growing their business. At the same time, asnaf entrepreneurs are able to move from asnaf gologan to zakat payers. Therefore, every product produced must have Malaysian halal certification. Malaysian halal certification is important for asnaf entrepreneurs to ensure that every product is produced in accordance with Islamic principles. However, halal certification is one of the issues in Malaysia as its compliance to meet the halal certification standards among Bumiputera SMEs is particularly low. Various factors affecting implementation have been suggested in the literature, but this issue from the perspective of halal especially asnaf entrepreneurs in obtaining halal certificate is still limited. This study is a widely used literature review to identify and analyze this phenomenon. The importance of this study will be to increase knowledge of current challenges related to Malaysian entrepreneurs in implementing Malaysian halal certificates.*

Keywords: Malaysian Halal Certification, Asnaf Entrepreneurs, Zakat Institutions, Halal Industry

Keywords: Enter Keywords here, Enter Keywords here, Enter Keywords here.

PENGENALAN

Usahawan asnaf merupakan golongan asnaf yang fakir dan miskin dan mereka layak menerima sebarang bentuk bantuan zakat. Golongan asnaf yang mampu dikategorikan sebagai produktif yang mempunyai kekuatan fizikal dan mental, yang masih mampu melakukan pekerjaan maka mereka ini seharusnya diberi bantuan modal zakat berbentuk produktif (Rosbi & Sanep, 2011). Menurut Isma Addi Jumri (2007), usahawan asnaf adalah individu yang perlu melalui suatu proses penciptaan usaha niaga, agar mampu memikul tugas, tanggungjawab dan mencuba sebagai peniaga yang dirangsang dengan dorongan dan bantuan daripada institusi zakat. Definisi ini merujuk kepada individu golongan asnaf yang memerlukan fasa atau proses yang perlu dilalui dengan bantuan, dorongan dan bimbingan khususnya daripada institusi zakat. Ushawan asnaf ini adalah usahawan PKS yang boleh dikotegarikan sebagai ushawaan mikro. Small and Medium Enterprises Corporation (2017) mendefinisikan usahawan mikro sebagai usahawan yang mempunyai jualan tahunan kurang daripada RM300,000 atau bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang. Melalui keusahawanan, usahawan asnaf mampu mengeluarkan diri dari golongan yang menerima zakat sekiranya mereka mampu merebut peluang dalam pasaran. Peluang yang luas dalam pasaran yang mampu meningkatkan ekonomi usahawan asnaf adalah menceburi insdustri halal.

Pasaran halal pada masa kini sangat meluas dan pertumbuhan industri halal semakin berkembang. Dengan adanya pensijilan halal Malaysia bagi setiap produk yang diusahakan oleh usahawan PKS, ia mampu membantu meningkatkan peluang ekonomi dalam pasaran tempatan dan antarabangsa. Dalam masa yang sama, ekonomi Malaysia turut berkembang pesat dengan peningkatan sebanyak 4.5% nilai eksport pasaran halal dari tahun 2014 sebanyak RM37.7 bilion kepada tahun 2015 iaitu RM39.4 bilion (Nazura, 2017; Halal Develepment Corporation, 2015). Pada tahun 2030, populasi Muslim di seluruh dunia dijangka membentuk kira-kira 27% daripada populasi dunia (Halal Development Corporation, 2016). Ini bermaksud penduduk Islam akan meningkat daripada 1.6 bilion pada 2010 kepada 2.2 bilion pada 2030 (Halal Development Corporation, 2016). Peningkatan ini sudah pasti memberi kesan kepada permintaan produk makanan halal.

Peningkatan permintaan produk makanan halal telah menjadi suatu fenomena perniagaan yang mempengaruhi pasaran tempatan dan antarabangsa bagi memenuhi permintaan yang tinggi. Dilaporkan bahawa perbelanjaan produk halal dalam sektor makanan meningkat sebanyak 9.5% daripada anggaran tahun 2012 kepada AS\$2 trilion pada tahun 2013 dan dijangka mencecah AS\$3.7 trilion menjelang tahun 2019 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 10.8% (Amir, 2016). Malah, pasaran halal dunia adalah cukup besar dengan nilai AS\$3 trilion (RM12 trilion) setahun (“Potensi besar industri halal”, 2016).

Dengan jumlah yang begitu besar ini, sudah tentu memberikan pendapatan yang lumayan kepada mana-mana pengusaha dan syarikat yang menghasilkan produk berstatus halal termasuk kepada perniagaan usahawan asnaf. Syarikat PKS adalah penyumbang terbesar bagi

pengeksporan produk makanan halal pada tahun 2014 yang melibatkan bilangan purata syarikat PKS adalah 475 syarikat berbanding dengan syarikat Multinasional sebanyak 249 syarikat (Halal Development Corporation, 2015). Malah, pada tahun 2015, syarikat Bumiputera menyumbang sejumlah RM2.6 bilion atau 6.6% daripada jumlah eksport produk makanan halal di Malaysia (Nazura, 2017). Hal ini menunjukkan bahawa usahawan PKS adalah penyumbang yang terpenting dalam nilai pasaran halal di Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa usahawan asnaf akan mengalami kerugian sehingga 60% jika produk yang dihasilkan tidak mempunyai sijil halal (Mohamad, 2011). Namun begitu, pemegang sijil halal dalam kalangan pengusaha PKS bumiputera adalah rendah bagi enam tahun berturut-turut dari tahun 2012 hingga 2017 iaitu sebanyak 1684 pengusaha berbanding pengusaha PKS bukan Bumiputera yang merekodkan sebanyak 5342 pengusaha. Keadaan ini jelas menunjukkan penglibatan usahawan PKS bumiputera bagi memohon pensijilan halal adalah sangat rendah. Persoalannya kenapa fenomena ini berlaku? Apakah cabaran yang perlu dihadapi oleh mereka terutama usahawan asnaf?. Hal ini perlu difahami dengan lebih jelas bagi membantu pihak yang bertanggungjawab terutama pihak JAKIM dan institusi zakat untuk mengatur strategi bagi meningkatkan kesedaran usahawan asnaf dalam mematuhi pensijilan halal pada masa akan datang. Justeru, penyelidikan ini cuba memberi penjelasan berkaitan fenomena ini.

PENSIJILAN HALAL MALAYSIA

Pensijilan halal merujuk kepada pemeriksaan bagi pengeluaran daripada peringkat penyediaan, kaedah penyembelihan, bahan-bahan yang digunakan, pembersihan, pengendalian, pemprosesan, pengangkutan dan pengedaran (Jusmaliani & Nasution, 2010) dan proses ini juga diguna pakai di Malaysia. Bagi pemeriksaan yang lebih mudah, masyarakat Islam menubuhkan institusi yang bertanggungjawab terhadap pensijilan halal bertujuan untuk memerhatikan keseluruhan proses pengeluaran makanan dan syarikat yang menyediakannya (Jusmaliani & Nasution, 2010). Pensijilan halal ini adalah untuk meyakinkan pengguna Islam terhadap produk-produk yang dipasarkan adalah halal. Perkembangan pesat industri makanan halal dunia menuntut agar JAKIM meningkatkan kualiti pengurusan pensijilan halal supaya ia dapat memenuhi kehendak pelanggan.

Beberapa penambahbaikan telah dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan sijil halal JAKIM berkualiti dan mampu bersaing serta diiktiraf di peringkat global. Antara usaha yang telah dijalankan ialah penyelarasan prosedur pengesahan halal di seluruh negara. Aktiviti ini melibatkan semua prosedur berkaitan dengan pengesahan halal meliputi aspek pemeriksaan, bentuk logo halal, borang permohonan sijil halal dan kadar yuran yang dikenakan (Zawanah, Munir & Abdul Muhaimin, 2008). Permintaan dan peningkatan produk makanan yang mempunyai pensijilan halal semakin berkembang pesat di antarabangsa (Halal Development Corporation, 2015) dan tempatan. Malah kerajaan telah memberikan peluang yang banyak kepada usahawan PKS tempatan terutama kepada usahawan PKS bumiputera dalam meluaskan empayar perniagaan mereka. Kerajaan menggesa usahawan tempatan untuk memohon pensijilan halal Malaysia bagi merebut peluang yang ditawarkan dalam industri halal (Hamizar & Nurhayati, 2016). Namun begitu, majoriti usahawan PKS bumiputera khususnya usahawan asnaf masih gagal berbuat demikian.

CABARAN PEMBANGUNAN PRODUK HALAL

Penghasilan produk halal oleh usahawan PKS terutamanya usahawan asnaf bukannya mudah dan terdapat banyak cabaran dan kekangan yang perlu dihadapi. Berdasarkan Muhammad et al. (2011) menyatakan bahawa usahawan PKS berhadapan dengan masalah untuk bertahan dalam kelebihan persaingan (*competitive advantage*). Selain itu, kekangan yang sering dibangkitkan oleh penyelidik terdahulu adalah masalah kewangan. Kewangan adalah perkara penting yang perlu ditekankan bagi pertumbuhan dan pembangunan usahawan PKS (Nkonge, 2013). Masalah kewangan ini adalah salah satu penyebab utama ketidakupayaan usahawan PKS untuk mengekalkan perniagaan mereka (Hasnah et al., 2013). Menurut Karipidis, Athanaaia, Aggelopoulos dan Giomplias (2009), salah satu faktor pematuhan keselamatan makanan dalam kalangan usahawan PKS melibatkan perbelanjaan kewangan termasuk pelaburan dalam penstrukturan, perbelanjaan peralatan dalam perundingan kualiti, yuran pendaftaran dan latihan kakitangan.

Penyelidikan yang terdahulu (Muhamad et al, 2011; Hasnah et al., 2013; Kazimoto, 2014; Mohd Zulkifli et al, 2010; Syed Shah et al., 2011) menggambarkan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh usahawan PKS dalam era globalisasi ini. Muhamad et al. (2011) mendapati bahawa cabaran yang dihadapi oleh usahawan PKS adalah kemelesetan, halangan dari sumber global, produktiviti yang rendah, kekurangan keupayaan pengurusan, kekurangan pembiayaan, kesukaran untuk mengakses pengurusan, teknologi dan bebanan kawalan berat. Hasnah et al. (2013) menghuraikan bahawa kebanyakan usahawan PKS menghadapi masalah untuk mendapatkan pembiayaan, modal insan dan pasaran. Dalam penyelidikan yang lain oleh Kazimoto (2014) merumuskan bahawa usahawan PKS menghadapi cabaran disebabkan oleh tidak mahir dalam menembusi pasaran antarabangsa, kekurangan sokongan kewangan daripada pihak kerajaan, kurang pemahaman terhadap keperluan dan perkhidmatan pengguna, kurang kemahiran keusahawanan dan struktur rangkaian yang lemah untuk menembusi pasaran antarabangsa. Mohd Zulkifli et al. (2010) mengenal pasti bahawa masalah utama yang dihadapi oleh usahawan PKS ialah kurangnya pengetahuan mengenai teknik pemasaran, penjenamaan, kesetiaan dan kepuasan pelanggan dan juga kekurangan kenalan yang baik dengan orang lain di peringkat tempatan ataupun perusahaan antarabangsa. Situasi ini juga bersependapat dengan Syed Shah et al. (2011) juga mendapati bahawa usahawan PKS di Malaysia mempunyai masalah hubungan sosial yang merupakan punca utama untuk mencapai kelebihan daya saing kelebihan dan akibatnya banyak usahawan PKS di Malaysia kalah dari segi peluang.

Selain itu, kekurangan pengetahuan mengenai konsep halal dalam kalangan usahawan sering dibahaskan oleh penyelidik terdahulu antara penyebab kepada cabaran dalam menghasilkan produk halal secara keseluruhannya. Ilmu pengetahuan tentang konsep halal sangat penting kepada usahawan PKS bumiputera. Dengan ilmu, usahawan mampu menghasilkan produk yang halal dan toyyiban. Hal ini juga dinyatakan oleh Jamal dan Nur Shahira (2010) bahawa perkara utama dalam pemilihan bahan mentah adalah ilmu pengetahuan. Pengetahuan tentang konsep halal dalam diri usahawan adalah penting supaya pengguna mendapat makanan yang halal dan aspek halal dan toyyiban yang diterapkan dalam penyediaan makanan, yang terdiri daripada kualiti, keselamatan dan kebolehpercayaan produk makanan tersebut (Ilyia Nur et al., 2011). Setiap aspek dalam status halal dan aspek halal dan toyyiban perlu dititikberatkan dalam setiap aspek pengeluaran produk (Dahalan, 2008).

Pengetahuan adalah satu daripada faktor utama yang menyumbang kepada kepatuhan yang tinggi dalam kalangan usahawan IKS bumiputera melaksanakan pensijilan halal Malaysia. Malah, kekurangan pengetahuan tentang konsep halal dalam perniagaan boleh memberi kesan yang tidak baik dalam jangka masa panjang (Hasan, Ahmad, Abdul Jalil, Husna & Munira, 2013) kepada industri halal. Ilya Nur et al, (2011) turut mendapati bahawa kekurangan pengetahuan tentang konsep halal antara penyumbang kepada ketidakpatuhan dalam amalan halal. Malah, tahap kesedaran yang rendah tentang pelaksanaan halal punca keengganan golongan usahawan asnaf untuk memohon Pensijilan halal (Nor 'Adha, Farah, Norziah & Wawarah, 2017). Kesedaran yang tinggi amat diperlukan bagi memastikan setiap barangan yang dihasilkan oleh pengeluar, keperluan terhadap pensijilan halal amat diperlukan supaya barangan atau makanan yang dihasilkan menepati kehendak syarak dan memenuhi konsep halal toyyiban. Hal ini kerana makanan yang halal tidak boleh dianggap sebagai halal sehingga mereka disahkan halal oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam pengeluaran pensijilan halal Malaysia kerana kebarangkalian pencemaran dalam makanan akan berlaku (Salman dan Sidiqqi, 2011). Keadaan ini boleh berlaku sepanjang proses penyediaan, pembuatan, pemprosesan, pembungkusan dan penghantaran. Produk makanan yang dibuat daripada haiwan yang halal tidak lagi halal jika produk tersebut telah tercemar oleh produk yang haram.

Isu dan cabaran ini juga sering terjadi kepada usahawan asnaf dalam sektor pemprosesan makanan yang berdepan dengan kesukaran dan cabaran terhadap usahawan asnaf. Cabaran dan kekangan mungkin berlaku sepanjang proses rantai penghasilan sesuatu produk sehingga pengguna akhir. Sepanjang proses ini, usahawan PKS mungkin menghadapi masalah dengan persekitaran dalaman dan luaran, institusi, sumber, organisasi atau pengurusan dan lain-lain yang memberi kesan kepada pertumbuhan syarikat PKS (Syed Shah et al., 2011). Situasi ini juga terpakai dalam melaksanakan pembangunan produk halal dalam kalangan usahawan PKS khususnya usahawan asnaf.

Terdapat pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan terutama usahawan PKS dalam melaksanakan produk halal secara menyeluruh. Zhari dan Abdul Halim (2010) menyatakan bahawa keperluan bagi memenuhi piawaian halal adalah berkaitan dengan sumber, pengendalian, pemprosesan, pembuatan dan pelabelan. Bagi tujuan tersebut, peraturan dan standard seperti Hazard Analysis And Critical Point (HAACP) dan Good Manufacturing Practices (GMP) telah ditubuhkan dalam mengawal selia dan pendaftaran produk perlu dipatuhi dalam menyeragamkan prosedur dan menjana standard parameter serta kepakaran khusus dan latihan kakitangan bersesuaian dengan keperluan. Ini disebabkan oleh keperluan modal yang besar, pengalaman pemasaran dan strategi yang baik diperlukan dalam industri perniagaan (Alfi Khairiansyah et al., 2011). Selain itu, menurut Ilyia Nur et al. (2012) terdapat beberapa faktor lain yang boleh menghalang usahawan PKS bumiputera dalam melaksanakan pembangunan produk halal seperti kekurangan sumber manusia, kekangan masa, kekurangan sistem pengurusan dan kemudahan. Sazelin (2009) merumuskan bahawa faktor premis, teknologi serta kekurangan pengalaman dari aspek pemasaran pengembangan perniagaan antara kekangan usahawan PKS dalam melaksanakan pembangunan produk halal.

KESIMPULAN

Pengusaha asnaf di Malaysia perlu bersedia dan menerokai industri halal yang memberikan pulangan dan peluang yang besar untuk pasaran tempatan dan global. Para usahawan termasuk usahawan kecil juga perlu mempunyai kepekaan yang tinggi terhadap produk makanan halal. Justeru, pensijilan halal adalah sebahagian daripada prasyarat bagi membantu usahawan PKS bumiputera dalam mengembangkan perniagaan mereka diperingkatkan tempatan mahupun antarabangsa. Status halal bagi sesuatu produk adalah sebahagian pra-syarat untuk mencapai kejayaan kepada pengeluar makanan di Malaysia. Oleh yang demikian, pengusaha PKS tempatan haruslah berlumba-lumba bagi memperoleh pensijilan halal bagi setiap produk yang dihasilkan. Pensijilan halal bukan sahaja memberi jaminan kepada masyarakat Islam bahawa sesuatu makanan atau produk yang dihasilkan itu adalah halal mengikut syarak. Hal ini kerana makanan yang dimakan mestilah mematuhi kehendak syarak iaitu halal dan toyyiban (bebas daripada benda yang haram dan memudaratkan). Malah, pensijilan halal juga memberi implikasi yang besar kepada industri atau pengusaha tersebut. Menyedari keperluan ini, pengusaha tempatan khususnya usahawan asnaf perlu memanfaatkan peluang perniagaan yang ada dalam industri halal bagi memperoleh faedah dalam meningkatkan keuntungan kerana bidang ini mempunyai potensi yang besar dalam menjana pendapatan. Justeru, usahawan asnaf perlu berusaha merebut peluang dalam meningkatkan taraf ekonomi dengan memohon pensijilan halal Malaysia. Tambahan pula, kerajaan berusaha untuk meningkatkan pembabitan usahawan mikro di Malaysia dalam pembangunan industri halal kerana ia akan memberi impak menyeluruh kepada ekonomi.

Institusi zakat memainkan peranan yang penting dalam membangunkan usahawan asnaf melalui pensijilan halal Malaysia. Agihan modal zakat yang telah diperuntukan kepada usahawan asnaf melalui program usahawan perlu dipertingkatkan. Hal ini bertujuan untuk membantu mereka untuk mengembangkan perniagaan bagi menyokong mereka dalam memohon pensijilan halal Malaysia. Selain itu, institusi zakat perlu merancang dalam memperkasakan usahawan asnaf melalui kemanfaatan ilmu dan latihan agar usahawan asnaf ini bersedia dalam persaingan dalam pasaran terutama dalam menerokai insdustri halal.

RUJUKAN

- Alfi Khairiansyah, M., Abdul Rahman, A. D., Jawdat, K., Ahmed Abdulaziz, H. A. (2011). Collaboration, wealth and value creation, smes' halal products communities, and information systems. *International Journal on New Computer Architectures and Their Applications (IJNCAA)*, 1(2), 510-518
- Amir, H. R. (2016, Februari 13). *Global halal market growing bigger*. Dicapai daripada <https://www.nst.com.my/news/2016/02/127261/global-halal-market-growing-bigger>
- Halal Develepment Corporation. (2015). *Malaysian halal export 2015*. Dicapai daripada http://whc.hdcglobal.com/cms_hdcglobal/halal-export-report-2015.pdf
- Halal Develepment Corporation. (2016). *Future directions of halal in Malaysia: Opportunities for trade and investment*. Dicapai daripada http://www.arr.gov.pl/data/01943/kuala_lumpur_14062016_1.pdf

- Hamizar, H. & Nurhayati, A. (2016, Februari 29). Industri halal diperkukuh. *Berita Harian Online*. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/node/129346>
- Hasan, A, Ahmad, F., Abdul Jalil, B., Husna, H., & Munira, A. R. (2013). "Halal studies in universities: A way forward to manage halal business." *International Journal Of Arts And Sciences Conference (Ijas2011) Austria.*, (pp. 1-9).
- Hasnah, H., Saniza, S., Jayarman, K., & Ishak, I. (2013). Factors Influencing Small Medium Enterprises (SMES) in Obtaining Loan. *International Journal of Business and Social Science*, 4(15), 182-195.
- Ilyia Nur, A. B., Rosli, S., Suhaimi, A. R., & Dzulkifly, M. Hashim. (2012). Factors contributing to non-compliance of the halal standard among restaurant operators in Malaysia. *International Business Management*, 6(6), 611-620.
- Ilyia Nur, A. R., Rosli, S., Suhaimi, A. R., & Dzulkifly, M. H. (2011). Factors contributing to non-compliance of the halal standard among restaurant operators in Malaysia. Dalam *2011 2nd International Conference on Business, Economics and Tourism Management* (Vol. 24, pp. 88–92).
- Isma Addi Jumri (2007), Usahawan Asnaf Basmi Miskin Tegar, dalam Utusan Malaysia On-Line, diperolehi daripada <http://www.utusan.com.my/utusan/info>
- Jamal, A. N. S., & Nur Shahira, M. A. (2010). Dimension of halal purchase intention: A preliminary study. *International Review of Business Research Papers*, 6(4), 444-456.
- Jusmaliani & Nasution, H. (2010). Identification of the attributes of halal meat consumption: Study of Muslims in Jakarta and Melbourne. *Review of Indonesian Economic and Business Studies* 1(1), 81-92.
- Kazimoto, P. (2014). Assessment of Challenges facing Small and Medium Enterprises towards International Marketing Standards: a Case Study of Arusha Region Tanzania. *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Sciences*, 4(2), 303-311.
- Mohamad, K. (2011). Transformasi industri halal. *Dewan Ekonomi*, 3–11. Dicapai daripada <http://e-muamalat.gov.my/kertasilmhiah/transformasi-industri-halal>
- Mohd Zulkifli, M., Abdul Kamar, Char., Mohd Rushdan, Y., & Zakiah, H. (2010). Small and medium enterprises (SMEs) competing in the global business environment: A case of Malaysia. *International Business Research*, 3(1), 66-75.
- Muhammad, K., Abu Hassan, M. I., Jamal, A. N. S., & Ageel, A. (2011). Challenges faced by the small and medium enterprises (SMEs) in Malaysia: an intellectual capital perspective. *International Journal of Current Research*, 3(6), 398-401.
- Nazura, N. (2017, April 6). *Tingkatkan usaha seragamkan pensijilan halal: TPM*. Dicapai daripada <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian5831/20170406/281552290710127>
- Nkonge, B. K. (2013). Challenges faced by Small and Medium Enterprise Suppliers when bidding for tenders. A case of Thika District. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 3(12), 194-220.
- Nor 'Adha, A. H., Farah, M. S., Norziah, O. & Wawarah, S. (2017). Challenges And Ways Improving Malaysia Halal Food Industry. *Science International*. 29(2), 149-153.

- Potensi besar industri halal. (2016, Mac 30). *Utusan*. Dicapai daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/potensi-besar-industri-halal-1.206454>
- Rosbi A. R. & Sanep A. (2011). Strategi Pembangunan Keusahawan Asnaf dan Miskin melalui Agihan Bantuan Modal Zakat. *Jurnal Pengurusan*, 33, 37-44.
- Salman, F., & Siddiqui, K. (2011). An exploratory study for measuring consumers awareness and perceptions towards halal food in Pakistan. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business*, 3(2), 639-652.
- Sazelin, A. (2009). Keupayaan pemasaran dalam kalangan pengusaha kecil makanan halal di melaka tengah: Satu kajian awal. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 10, 183-208.
- Small and medium enterprises corporation. (2017). *Definisi Baharu PKS*. Dicapai daripada http://www.smecorp.gov.my/images/pdf/GarisPanduan_Definisi_Baharu_PKS_updated.pdf
- Syed Shah, A., Mohd Fauzi, M. J., Zizah, C. S., & Ahmad Khairy, A. D. (2011). Assessing barriers of growth of food processing SMIs in Malaysia: a factor analysis. *International Business Research*, 4(1), 252-259.
- Zawanah, M., Munir, M. S., & Abdul Muhaimin, M. (2008). Halal: Antara tuntutan agama dan strategi ekonomi. *Dalam proceeding of Islamic Administration in Malaysia Seminar: Cabaran Semasa dan Perancangan Masa Depan*. (pp.2).
- Zhari, I., & Abdul Halim, E. (2010). Halal nutraceutical market: Issues and challenges. *SEGi Review*, 3 (2), 96-117.